

# MENYINGKAP SEJARAH AWAL DASAR EKONOMI BARU: PEMACU KEPADA USAHA KELESTARIAN NEGARA BANGSA

## *UNDISCOVERING THE EARLY HISTORY OF THE NEW ECONOMIC POLICY: DRIVERS OF NATION-STATE SUSTAINABILITY EFFORTS*

Mohd Sohaimi Esa<sup>1</sup>  
Irma Wani Othman<sup>2\*</sup>  
Sharifah Darmia Sharif<sup>3</sup>  
Jais Abdul Hamid<sup>4</sup>

<sup>1</sup>Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah. Email: msohaimi@ums.edu.my

<sup>2</sup>Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah. Email: irma@ums.edu.my

<sup>3</sup>Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah. Email: shdarmia@ums.edu.my

<sup>4</sup>IPG Kampus Kent, Tuaran, Sabah. Email: jahwin2009@gmail.com

### Article history

**Received date** : 20-6-2022

**Revised date** : 21-6-2022

**Accepted date** : 19-9-2022

**Published date** : 6-10-2022

### To cite this document:

Esa, M. S., Othman, I. W., Sharif, S. D., & Abdul Hamid, J. (2022). Menyingkap Sejarah Awal Dasar Ekonomi Baru: Pemacu Kepada Usaha Kelestarian Negara Bangsa. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(47), 338 - 349.

---

**Abstrak:** *Dasar Ekonomi Baru (DEB) adalah satu program sosioekonomi di Malaysia yang diperkenalkan dalam Rancangan Malaysia Kedua (1971-1990). Dasar ini diperkenalkan oleh Perdana Menteri kedua, Tun Abdul Razak susulan tragedi 13 Mei 1969. Sebagai Perdana Menteri, beberapa isu dalam negara perlu ditangani secara bijaksana lagi berhikmah oleh Tun Abdul Razak. Antaranya termasuklah pengstruktur semula dasar ekonomi agar dapat diperkukuhkan lagi perpaduan rakyat Malaysia. Justeru itu, kertas kerja ini akan berusaha untuk menyingkap sejarah awal Dasar Ekonomi Baru (DEB) sebagai salah satu wadah penting dalam proses pembinaan negara bangsa. Dengan pendekatan ilmu sejarah, maka kajian ini menggunakan sumber primer dan sekunder untuk mejelaskan tercetusnya idea dasar yang lebih mapan, yakni DEB. Strategi dan pelaksanaan DEB pada peringkat awal juga diuraikan dalam usaha mencapai objektif strategi serampang dua mata. Hasil dapatan kajian menunjukkan DEB boleh dianggap sebagai suatu langkah berani dalam usaha mengubah landskap ekonomi negara ini agar misi dan visi perpaduan nasional dapat dicapai. Hal yang penting juga menerusi DEB mencerminkan campur tangan kerajaan dalam ekonomi yang memperlihatkan wujud diskriminasi positif dalam pengagihan kekayaan negara kepada rakyat, khususnya untuk masyarakat bumiputera.*

**Kata Kunci:** *Bumiputera, Dasar Ekonomi Baru (DEB), sosioekonomi*

**Abstract:** *The New Economic Policy (NEP) is a socioeconomic program in Malaysia that was introduced in the Second Malaysia Plan (1971-1990). This policy was introduced by the second Prime Minister, Tun Abdul Razak following the tragedy of May 13, 1969. As Prime Minister, several issues in the country need to be dealt with wisely and wisely by Tun Abdul Razak. Among them is the restructuring of the economic policy in order to further strengthen the unity of the Malaysian people. Therefore, this paper will try to reveal the early history of the New Economic Policy (NEP) as one of the important tools in the process of building a nation state. With the approach of historical science, this study uses primary and secondary sources to explain the emergence of a more established basic idea, namely DEB. The NEP strategy and implementation at the initial stage was also elaborated in an effort to achieve the objectives of the two-pronged strategy. The results of the study show that DEB can be considered as a bold step in the effort to change the economic landscape of this country so that the mission and vision of national unity can be achieved. The important thing is that through DEB, it reflects the government's intervention in the economy which shows positive discrimination in the distribution of national wealth to the people, especially for the bumiputera community.*

**Keywords:** *Bumiputera, New Economic Policy (NEP), socioeconomic*

---

## **Pendahuluan**

Apabila membicarakan Dasar Ekonomi Baru (DEB) maka tidak dapat dipisahkan dengan peristiwa hitam negara, yakni tragedi 13 Mei 1969. Peristiwa ini dianggap sebagai tragedi yang memalukan negara, tambahan pula ketika era Tunku Abdul Rahman-Tun Abdul Razak sebagai pemimpin utama pentadbiran. Tun Razak sebagai Timbalan Perdana Menteri selama 13 tahun kemudiannya dilantik untuk menggantikan tempat Tunku Abdul Rahman. Sebagai Perdana Menteri, beberapa isu dalam negara perlu ditangani secara bijaksana dan berhikmah oleh Tun Razak. Antaranya termasuklah pengstrukturkan dasar ekonomi agar dapat diperkukuhkan semula pembinaan negara-bangsa. Justeru itu, kertas kerja ini berusaha untuk menyingkap sejarah awal DEB. Sememangnya, DEB sering dikaitkan dengan isu pembangunan orang Melayu atau bumiputera. Persoalannya, sejauhmanakah isu ini dapat diketengahkan oleh kerajaan dalam usaha ke arah memperkenalkan suatu dasar ekonomi yang mapan, bukan sahaja untuk kaum bumiputera tetapi juga pembangunan negara. Bagaimanakah pula DEB dapat direalisasikan sebagai agenda penting negara? Semua persoalan ini akan dibincangkan dalam kertas kerja ini, termasuklah beberapa langkah awal yang diambil untuk merealisasikan dasar tersebut. Sebelum membicarakan tentang sejarah awal DEB tersebut, maka disentuh terlebih dahulu dari segi metodologi kajian.

## **Metodologi**

Dalam konteks metodologi kajian, kaedah penyelidikan yang digunakan adalah mengikut disiplin sejarah. Maka metodologi kajian disiplin ini bersifat kualitatif yang diadakan dengan perbincangan secara deskriptif analitikal (Sugiyono, 2009). Hal ini sesuai dengan tajuk artikel yang membicarakan peristiwa penting lagi bersejarah di Malaysia, yakni tentang sejarah awal DEB. Justeru, kajian kepustakaan digunakan dengan mengumpulkan sumber berbentuk primer dan sekunder. Dalam kajian sejarah, sumber primer penting untuk membolehkan fakta dijelaskan berdasarkan peristiwa seperti sebenarnya berlaku sebagaimana ditegaskan oleh Bapa Persejarah Moden, Leopold Von Ranke (Kreiger, 1977). Pada prinsipnya, tujuan kajian sejarah dilihat secara falsafah untuk 'self-knowledge' dengan tanpa ada unsur bias dalam membuat penafsiran terhadap sesuatu peristiwa (Rowse, 1963; Gungwu, 1968). Langkah ini menjadikan disiplin sejarah sebagai suatu bentuk kajian yang bersifat saintifik dan objektif

(Carr, 1962; Collingwood, 1993). Justeru itu, sumber primer termasuklah laporan, dokumen dan akhbar sezaman diberikan perhatian dalam kajian ini. Sumber primer dalam kajian ini diperolehi dari arkib, khususnya dari Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur dan Memorial Tun Abdul Razak, Kuala Lumpur, serta Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur. Sumber berkenaan termasuklah laporan, dokumentasi akhbar sezaman yang berkaitan dengan DEB. Sebagai contoh, koleksi teks ucapan Tun Abdul Razak tentang DEB khususnya 1971-1972 yang diterbitkan oleh Arkib Negara Malaysia, di samping teks ucapan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara oleh beberapa negarawan, termasuk Tan Sri Ghazali Hamzah. Teks ucapan Tun Abdul Razak dilihat begitu signifikan kerana beliau sebagai informan terpenting yang memiliki informasi lengkap berkaitan dengan pengasasan DEB. Akhbar sezaman yang dirujuk pula termasuklah seperti *The Straits Times* (1970-1972) dan *Far Eastern Economic Review* (1975). Sementara sumber sekunder pula digunakan dalam kajian ini seperti buku dan artikel dalam jurnal yang menyentuh secara langsung atau tidak langsung berkaitan dengan DEB. Daripada kedua-dua jenis sumber ini, maka pengkaji akan menjelaskan sebab musabab peristiwa itu berlaku, serta membuat tafsiran terhadap peristiwa berkenaan agar huraiannya lebih bersifat objektif dan saintifik. (Esa, Othman, Ationg, Ibrahim, Adam, Hamid, & Hajimin, 2021; Ationg, Esa, Ibrahim & Muis, 2020).

Dari segi skop kajian pula, perbincangan adalah selari dengan tema iaitu sejarah awal DEB yang merangkumi tempoh penghujung tahun 1960an dan awal tahun 1970an. Dalam tempoh tersebut, terdapat dua peristiwa penting iaitu tragedi 13 Mei 1969, perisytiharan DEB (Rancangan Malaysia Ke-3) dan Rukun Negara, serta penubuhan Jabatan Perpaduan Negara. Ia juga meliputi era penghujung pentadbiran Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman dan lebih istimewa lagi semasa zaman awal Tun Abdul Razak sebagai Perdana Menteri. (Esa, Sansalu & Tamring, 2011). Sesungguhnya, DEB adalah salah satu dasar yang begitu penting dalam usaha kerajaan untuk membina perpaduan rakyat bagi kelestarian negara bangsa Malaysia. Hal ini samalah penting dengan Rukun Negara yang telah dibentuk pada 31 Ogos 1970 oleh Majlis Gerakan Negara. (Esa, 2012; Milne & Mauzy, 1977)

## **Dapatan dan Perbincangan**

### **Di Balik Tabir Dasar Ekonomi Baru (DEB)**

Kerajaan menyedari bahawa penyusunan semula ekonomi negara memerlukan suatu pelan tindakan yang komprehensif dan anjakan perubahan untuk kemajuan yang lebih adil dan saksama dalam kalangan rakyat, khususnya antara bumiputera dengan bukan bumiputera. Tragedi 13 Mei telah menjadi nadi penggerak kepada usaha kerajaan untuk mengagihkan kekayaan negara dengan lebih adil lagi saksama agar jurang dapat dikurangkan demi perpaduan rakyat negara ini. Tragedi berdarah ini telah mendedahkan manifestasi sebenar perasaan tiga etnik terbesar di Malaysia. Sejak kemerdekaan, didapati masyarakat bumiputera masih jauh ketinggalan dari segi penguasaan ekonomi dan pendidikan. Majoriti masyarakat bumiputera tinggal di luar bandar yang hanya terlibat dalam sektor pertanian dan perikanan secara kecil-kecilan. Sementara orang Cina pula lebih maju dengan tinggal di bandar, serta menguasai bidang perniagaan dan perlombongan. Lantas timbul kesedaran dalam kalangan masyarakat bumiputera yang dapat merasakan bahawa mereka masih ketinggalan dan tertindas di bumi sendiri akibat kemiskinan.

Harapan untuk melihat negara berada dalam keadaan aman dan rakyat bersatu padu menjadi lebur apabila berlakunya tragedi 13 Mei 1969. Sepanjang tempoh 12 tahun, pembangunan yang dirancang masih belum menampakkan hasil yang diharapkan untuk mengubah keadaan

sosioekonomi rakyat jelata, terutamanya orang Melayu. Justeru itu, tidak hairanlah Tun Abdul Razak yang sebelumnya sebagai Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Luar Bandar mengakui bahawa:

...peristiwa 13 Mei telah menunjukkan bahawa masih ada lagi kekosongan-kekosongan dan kekurangan-kekurangan yang kita mesti penuhi jika kita berkehendakkan keamanan dan kemajuan yang berkekalan dan jika kita berkehendakkan perpaduan di kalangan rakyat berbilang bangsa di negara kita ini menjadi kuat dan teguh. Ucapan Perdana Menteri dan Yang Dipertua UMNO Malaysia di Perhimpunan Pergerakan Kaum Ibu dan Pemuda UMNO di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada 22 Januari 1971," *Ucapan-Ucapan Tun Haji Abdul Razak bin Hussein, (1971).*

Keluhan tersebut memang ada asasnya apabila dilihat jurang kadar kemiskinan dan pendapatan purata keluarga sebulan antara orang Melayu (bumiputera) dengan bukan Melayu. Berdasarkan Jadual 1, pada tahun 1970, kadar kemiskinan dalam kalangan orang Melayu jauh lebih tinggi iaitu 64.8 peratus berbanding dengan kaum Cina (26 peratus) dan India (39.2 peratus). Sementara purata pendapatan keluarga Melayu pula didapati dua kali ganda jauh lebih rendah berbanding dengan kedua-dua kaum tersebut iaitu RM172.00 sahaja. Pada tahun 1970, kira-kira 49.3 peratus daripada pendapatan isi rumah di Semenanjung Malaysia berada di bawah garis kemiskinan. Peratusan ini dengan mengambil kira 86 peratus keluarga miskin tinggal di kawasan luar bandar berbanding dengan 14 peratus sahaja di kawasan bandar. (Mid-Term Review of the Second Malaysia Plan, 1971-1975) Hal ini berlaku akibat penjajahan British yang melaksanakan Dasar Pecah dan Perintah sehingga wujud jurang perbezaan ketara sehingga menjadi isu, seumpama 'duri dalam daging' kepada pihak kerajaan.

**Jadual 1: Kadar Kemiskinan dan Pendapatan Purata Mengikut Kaum 1970**

<b>Kaum</b>	<b>Kadar Kemiskinan (%)</b>	<b>Pendapatan Purata Keluarga Sebulan (RM)</b>
Melayu	64.8	172.00
Cina	26.0	394.00
India	39.2	304.00
Lain-lain	44.8	813.00

Sumber: Young, K., Bussink, W.C.F. dan Hassan, P. (1980). *Malaysia: Growth and Equity in a Multiracial Society*. Baltimore: The Johns Hopkins University Press.

Masalah kemiskinan yang melanda turut menggambarkan kadar pemilikan modal saham dalam kalangan bumiputera juga sangat rendah hanya 2.4 peratus sahaja. Jumlah tersebut jauh lebih kecil berbanding dengan kadar pemilikan modal saham yang dimiliki oleh kelompok bukan Bumiputera. Keadaan yang sangat tidak seimbang ini akibat daripada dasar penjajahan British yang memberi layanan dan perhatian yang berbeza-beza di antara kaum, terutamanya antara orang Melayu dengan kaum pendatang (Cina dan India). (Lihat Jadual 6)

**Jadual 2: Kadar Pemilikan Modal Saham dalam Syarikat Berhad berdasarkan Kaum 1970**

Pemilikan	Jumlah Pemilikan (RM Juta)	Peratus (%)
Bumiputera Perseorangan dan Agensi Amanah	279.6	4.3
a. Bumiputera Perseorangan	168.7	2.6
b. Agensi Amanah	110.9	1.7
Bukan Bumiputera	2233.2	34.0
Warganegara Asing	4051.3	61.7
Jumlah	6564.1	100.0

Sumber: *Mid Term Review of the Second Malaysia Plan, (1971-1975).*

Semasa majlis perbahasan di parlimen dalam usul untuk memperkenalkan DEB, Tun Abdul Razak turut mendedahkan secara eksklusif tentang kepincangan yang wujud antara etnik di negara ini. Pendedahan tersebut boleh mencerminkan keadaan sebenar di sebalik tragedi 13 Mei tersebut. Berkaitan dengan isu kemiskinan beliau menjelaskan bahawa,

Pada masa ini bandingan jumlah orang-orang Melayu dan Bumiputra dalam tradisional rural sector amat tinggi iaitu 74%. Di sinilah terdapat rakyat yang miskin dan daif dengan pendapatan yang amat rendah berbanding dengan pekerja-pekerja urban sector. Lebih kurang 43% orang-orang bukan Melayu berada dalam urban sector berbanding dengan 16% orang Melayu, sedangkan pendapatan modern urban level pukul rata \$4,885 iaitu 400 kali ganda pendapatan traditional rural sector.

“Ucapan Perdana menteri Semasa Mengulung Perbahasan Mengucap Terima Kasih di atas Titah Diraja di Dewan Rakyat, Kuala Lumpur pada 17 hb Mei 1972, *Ucapan-Ucapan Tun Haji Abdul Razak Bin Hussein, (1972).*”

Kerajaan juga melihat dari sektor pendidikan yang boleh menimbulkan suasana yang tidak sihat dalam masyarakat pelbagai etnik di negara ini. Keadaan tidak seimbang didapati dalam kalangan guru berijazah di peringkat kepujian dan am untuk mengajar mata pelajaran sains dan ilmu hisab di sekolah-sekolah aliran Melayu dan aliran Inggeris. Berdasarkan statistik, menunjukkan bahawa daripada 260 orang, yakni mata pelajaran ilmu hisab (70), fizik (52), kimia (60), kajihayat (48), serta sains dan sains lain (30) guru-guru berijazah kepujian yang boleh mengajar mata-mata pelajaran sains dan hisab, hanya 47 orang, yakni mata pelajaran ilmu hisab (19), Fizik (8), Kimia (7), Kajihayat (6), serta sains dan sains lain (7) yang ditempatkan di sekolah-sekolah aliran Melayu. Sementara 213 orang guru lagi, yakni matapelajaran ilmu hisab (51), fizik (44), kimia (53), kajihayat (42), serta sains dan sains lain (23) ditempatkan di sekolah-sekolah aliran Inggeris. Ini secara langsung mengakibatkan perbezaan tekanan dan pencapaian mata pelajaran di antara kedua-dua aliran tersebut. Justeru, murid dalam kalangan bukan bumiputra didapati mempunyai peluang yang lebih luas untuk mengikuti mata pelajaran sains dan ilmu hisab berbanding dengan sekolah-sekolah aliran Melayu. ”Ucapan Perdana Menteri Semasa Mengulung Perbahasan Mengucap Terima Kasih di atas Titah Diraja di Dewan Rakyat, Kuala Lumpur pada 17hb Mei 1972,” *Ucapan-Ucapan Tun Haji Abdul Razak Bin Hussein, (1972).*”



Perkara yang sama juga berlaku di institusi pengajian tinggi, kedudukan orang Melayu begitu jauh ketinggalan berbanding dengan bukan bumiputera. Sebagai contoh, dalam jurusan sains, bilangan siswazah pada tahun 1970 iaitu 22 orang Melayu daripada jumlah 493 orang di Fakulti Sains, seorang Melayu daripada jumlah 71 orang di Fakulti Kejuruteraan, 15 orang Melayu dari jumlah 49 orang di Fakulti Pertanian dan empat orang Melayu daripada jumlah 67 orang di Fakulti Perubatan. “Ucapan Perdana Menteri ketika Membentangkan Rang Undang-undang (Pindaan) Perlembagaan di Dewan Rakyat pada 23hb Februari, 1971,” *Ucapan-Ucapan Tun Haji Abdul Razak bin Hussein, (1971)*. Jelaslah, keadaan tersebut dikatakan sangat tidak adil dan tidak wajar dalam konteks perpaduan nasional, serta kelestarian negara bangsa Malaysia

Dalam perkhidmatan awam pula, Tun Abdul Razak turut mengulas situasi yang sangat tidak seimbang kedudukan antara bumiputera dengan bukan bumiputera sepertimana berikut:

Pada tahun 1969, daripada 3,741 jawatan yang dipenuhi pegawai-pegawai Melayu memenuhi 1,442 jawatan, iaitu 38.53%, manakala 2,801 jawatan atau 61.47% diisi oleh pegawai-pegawai bukan Melayu. Keadaan tidak seimbang ini agak lebih buruk lagi bagi perkhidmatan-perkhidmatan teknikal dan professional. Kedudukan pegawai-pegawai keturunan Melayu dalam perkhidmatan-perkhidmatan jenis ini sangatlah menyedihkan seperti dalam perkhidmatan perubatan (6.4% sahaja Melayu), pergigian (11.7%), ahli kimia ubat (16.9%), akauntan (11.8%), haiwan (28.1%), pertanian (32.8%), jurutera mekanik (16.3%), jurutera awam (9.4%), jurutera letrik (16.4%), kajibumi (4.8%), laut (10%), hasil dalam negeri (15.5%) dan perangkaan (4.8%). Di setengah-setengah perkhidmatan pula seperti kajicuaca, kimia, muflis, amanah raya, penerbangan awam, tidak terdapat langsung pegawai-pegawai keturunan Melayu. Kuota tidak diadakan, ada kalanya pegawai-pegawai Melayu tidak ada langsung dan di mana kuota-quota dikenakan, bilangan pegawai-pegawai Melayu bukan sahaja tidak mencukupi tetapi lebih rendah bilangannya dibandingkan dengan pegawai-pegawai bukan Melayu.

“Ucapan Perdana menteri Semasa Mengulung Perbahasan Mengucap Terima Kasih di atas Titah Diraja di Dewan Rakyat, Kuala Lumpur pada 17hb Mei 1972, *Ucapan-Ucapan Tun Haji Abdul Razak Bin Hussein, (1972)*.”

Seperkara lagi yang dapat dilihat jurang antara kaum adalah berkaitan dengan sektor pertanian. Sungguhpun FELDA telah ditubuhkan sejak tahun 1958, tetapi kedudukan bumiputera dari segi pemilikan tanah pertanian masih jauh ketinggalan berbanding dengan orang bukan bumiputera. Lihat petikan berikut:

Mengenai dasar pembukaan tanah, saya ingin menegaskan tidak ada perbezaan menurut bangsa. Pelaksanaan dasar ini dapat dibuktikan dengan statistik yang jelas menunjukkan kedudukan hak milik yang tidak seimbang terutama mengenai perusahaan tanaman ladang seperti getah, kelapa sawit, kelapa dan teh. Sebagai contoh, dari jumlah keluasan ladang getah (estate), tidak termasuk kebun-kebun kecil (small-holdings) dan ladang-ladang milik asing (foreign-owned estates), orang-orang Melayu/Bumiputra memiliki 14,081 ekar saja atau (1%) berbanding dengan 726,770 ekar (48%) milik bukan Melayu.

Bagaimanapun, untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, daripada jumlah lebih kurang 2.6 juta ekar kebun-kebun kecil getah (small-holdings) di negara ini, hanya 50% dimiliki oleh orang-orang Melayu/Bumiputra, dan ini termasuklah kira-kira 148,000 ekar yang diusahakan oleh L.K.T.P.

Berpegang pada hakikat inilah Kerajaan memandangkan mustahak menjalankan rancangan besar-besaran di bawah FLDA, FELCRA dan sebagainya supaya keadaan tidak seimbang tadi dapat diatasi dengan cara yang adil dan saksama:

“Ucapan Perdana Menteri Semasa Mengulung Perbahasan Mengucap Terima Kasih di atas Titah Diraja di Dewan Rakyat, Kuala Lumpur pada 17hb Mei 1972,”  
*Ucapan-Ucapan Tun Haji Abdul Razak Bin Hussein (1972).*

Jelaslah jurang antara bumiputera dengan bukan bumiputera itu dapat dilihat dari pelbagai sudut seperti kadar kemiskinan, peratusan pemilikan saham, pembangunan tanah, pendidikan dan sumber manusia. Sesungguhnya, pendedahan Tun Abdul Razak tersebut sangat penting untuk menyedarkan para pemimpin dan masyarakat tanpa mengira kaum dan agama untuk melihat kepincangan dalam proses pembinaan negara bangsa yang wujud sebelum ini (New Straits Times, 19 Mei 1972; Sanusi Osman, 1989). Sekiranya Tunku Abdul Rahman mengaitkan dengan anasir subversif Komunis, tetapi Tun Abdul Razak telah merumuskan bahawa ketidakseimbangan tersebut dipercayai menjadi sebab utama berlakunya kecemburuan sosial sehingga mencetuskan tragedi 13 Mei (Ongkili, 1985). Masalah yang sangat kritikal ini pernah dianggapnya sebagai “suatu penyakit yang hanya dapat disembuhkan dengan suatu pembedahan yang besar” (Shaw, 1976; Esa, 2011).

Kerajaan di bawah kepimpinan, Tun Abdul Razak terpaksa menerima hakikat akan tanggungjawab yang perlu dipikul dalam usaha mencari penyelesaian yang tuntas dalam meleraikan kemelut tersebut. Kerajaan berazam untuk memperbetulkan keadaan yang menimbulkan ketidakseimbangan atau jurang yang wujud antara bumiputera dengan bukan bumiputera dengan berasaskan perlembagaan negara (Mohd Suffian Hashim, 1987). Langkah ini dilihat sangat penting dalam usaha memupuk perpaduan etnik dan menjamin kelestarian negara bangsa Malaysia.

### **Dasar Ekonomi Baru: Pemacu Kepada Usaha Kelestarian Negara Bangsa**

Sejarah yang belaku tersebut menjadikan pihak kerajaan memandang serius keperluan untuk mengatasi isu kemiskinan dan kepinggiran dalam pelbagai sektor, khususnya untuk masyarakat bumiputera. Tun Abdul Razak, selaku Perdana Menteri telah memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) semasa membentangkan usul Rancangan Malaysia Kedua atau RMK2 (1971-1975). Antara lain menurutnya,

Bahawa Dewan ini menerima Dasar Ekonomi Baru Negara yang bertujuan membasmi kemiskinan di kalangan rakyat dengan tidak mengira asal keturunan mereka di samping menyusun semula masyarakat Malaysia untuk menyeimbangkan kedudukan ekonomi antara rakyat berbilang kaum, memberikan persetujuan penuh kepada Rancangan Malaysia Kedua yang telah disusun untuk mencapai matlamat cita-cita negara dengan melaksanakan langkah-langkah dasar dan rancangan-rancangan pembangunan seperti yang dinyatakan dalam Kertas Perintah No.28 tahun 1971, serta menyeru seluruh rakyat menumpukan khidmat bakti mereka dalam semangat Rukunegara

untuk membangunkan masyarakat yang adil saksama dan bangsa Malaysia yang maju, moden dan bersatu padu.

“Ucapan Perdana Menteri ketika Membentangkan Rang Undang-undang (Pindaan) Perlembagaan di Dewan Rakyat pada 23hb Februari,1971,” *Ucapan-Ucapan Tun Haji Abdul Razak bin Hussein, (1971).*

Berdasarkan petikan di atas, Tun Abdul Razak telah menyatakan matlamat tersurat DEB iaitu untuk mencapai perpaduan rakyat dan integrasi nasional (New Straits Times, 25 Februari, 1971). Manifestasi ini menunjukkan keperluan untuk melestarikan pembinaan negara bangsa Malaysia yang tuntas. Pengagihan kekayaan yang saksama dan adil menjadi kunci kepada kemakmuran dan keharmonian negara (Abdul Razak Hussein, 1971).

Pada dasarnya, DEB bukanlah satu dasar baru, tetapi lanjutan kepada dasar yang telah diperkenalkan sebelum ini. Pada umumnya, usaha untuk mempertingkatkan ekonomi dalam kalangan orang Melayu dan mewujudkan keseimbangan di antara kaum telahpun dimulakan sejak sebelum merdeka lagi. Selepas merdeka, usaha ini digiatkan lagi oleh kerajaan dengan menubuhkan beberapa agensi untuk mencapai matlamat tersebut seperti Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) [1956], Majlis Amanah Rakyat (MARA) [1965], sebelumnya dikenali sebagai Lembaga Kemajuan Perusahaan Luar Bandar (RIDA) ditubuhkan pada tahun 1950] dan Lembaga Pemasaran Persekutuan (FAMA) [1965] dan Bank Bumiputera (1965) (Perusahaan Awam di Malaysia: Satu Kajian Umum. (1974); Malaysian Business, Disember 1974; Milne & Mauzy, 1977).

Kerajaan telah menggariskan dengan jelas strategi serampang dua mata DEB. Pertama, mengurangkan dan akhirnya membasmi kemiskinan dengan meningkatkan pendapatan dan menambah peluang pekerjaan untuk rakyat tanpa mengira etnik; kedua, mempercepatkan proses penyusunan semula ekonomi negara dengan memperbaiki ketidak seimbangan ekonomi agar dapat dikurangkan dan seterusnya menghapuskan pengenalan ekonomi mengikut fungsi ekonomi. Harapan murni ini antara pati kepada kata-kata Tun Abdul Razak semasa membentangkan usul DEB tersebut (Milne, 1976; Esa, 2011).

Pada dasarnya, terdapat lima pelan tindakan pembangunan untuk pembasmian kemiskinan yang diketengahkan oleh pihak kerajaan. Pertama, meningkatkan dua kali ganda rancangan kemajuan tanah berbanding yang sedia ada dengan melibatkan tanah seluas satu juta ekar untuk sepanjang masa rancangan, dan memberi pekerjaan dan pendapatan kepada 100,000 orang. Kedua, meningkatkan rancangan penanaman semula getah untuk pekebun-pekebun kecil dengan sasaran 685,000 ekar, di samping mewujudkan kilang-kilang memproses getah untuk menghasilkan getah SMR bagi meningkatkan pendapatan mereka. Ketiga, menggalakkan pemodenan sektor luar bandar dengan meluaskan lagi penggunaan sains dan teknologi, kaedah ternakan dan teknik perikanan yang moden. Keempat, meluaskan rancangan pertanian, peraturan-peraturan kredit dan pemasaran yang lebih sempurna melalui Persatuan-persatuan Pemasaran Pertanian Persekutuan. Kelima, menyediakan kemudahan seperti prasarana pendidikan, pusat kesihatan, perumahan, bekalan air dan elektrik kepada kumpulan yang berpendapatan rendah di kawasan bandar dan desa. “Ucapan Peradaan Menteri di Perjumpaan Akhbar di Bilik Gerakan Negara, Kuala Lumpur pada 27hb Mei, 1971,” *Ucapan-Ucapan Tun Haji Abdul Razak Bin Hussein, (1971).* Justeru, langkah ini dilihat sebagai antara



usaha kerajaan untuk merapatkan jurang ekonomi di antara kawasan luar bandar dan bandar seperti peluang pekerjaan, pembangunan infrastruktur dan meningkatkan daya pengeluaran hasil aktiviti pertanian (Syed Hussain Wafa, 1974).

Menerusi DEB, kerajaan telah mensasarkan 30 peratus pemilikan saham bumiputera sepanjang tempoh rancangan yang meliputi selama 20 tahun (1971-1990). DEB diasaskan pada ekonomi yang berkembang pesat yang menawarkan lebih banyak peluang kepada semua rakyat Malaysia, serta merupakan sumber tambahan ke arah pembangunan sosioekonomi. Lantaran itu, usaha melaksanakan dasar ini kerajaan telah menentukan bahawa tidak ada kumpulan yang mengalami kerugian atau merasa mereka diperkecilkan. (Straits Times, 11 Januari 1972; Far East Economic Review, 16 Mei, 1975; Ghazali Shafie, 1971).

Selaku Perdana Menteri, Tun Abdul Razak telah menegaskan ketika memberikan penjelasan berkaitan dengan konsep "Masyarakat Adil" yang menjadi tema sambutan ulang tahun kemerdekaan negara kali ke-15 (1972) (New Straits Times, 1 September 1972). Tema ini berkaitan secara langsung dengan DEB sebagai usaha kerajaan membina negara bangsa Malaysia. Menurut beliau,

Tema Masyarakat Adil yang kita titikberatkan ini berhubung erat dengan konsep keadilan sosial atau social justice yang merupakan intisari dari perjuangan hidup setiap manusia, terutama sekali bagi Bangsa kita Malaysia. Hasrat inilah yang menggerakkan kita merancang dan melaksanakan usaha pembangunan besar-besaran, dengan tujuan membawa perubahan kepada rakyat daripada corak masyarakat yang terjajah kepada masyarakat negara yang bebas dan merdeka.

Ucapan Perdana Menteri Melalui Radio/TV Malaysia Sempena Menyambut Ulangtahun Hari Kebangsaan yang ke Lima Belas pada 30hb Ogos, 1972," *Ucapan-Ucapan Tun Haji Abdul Razak Bin Hussein* (1972).

Sesungguhnya, DEB menjadi antara tunjang utama kepada pembangunan ekonomi bumiputera di Malaysia (Sansalu, Esa, Karulus & Tamring, B.A.M., 2015). Apapun DEB begitu sinonim dengan nama Tun Razak yang digelar sebagai bapa pembangunan negara. Persoalannya, bagaimanakah teretusanya idea DEB? Siapakah pula yang mencetuskan idea DEB sama ada Tun Razak atau pihak lain yang membantu Tun Razak untuk mencetuskan idea tersebut?

Pada dasarnya, tidak dapat dinafikan bahawa Tun Abdul Razak memainkan peranan penting dalam usaha memperkenalkan dan melaksanakan DEB. Akan tetapi Tun Razak tidak bersendirian dalam usaha menggubal DEB. Beliau banyak dibantu oleh rakan-rakan rapatnya, terutamanya Tun Dr. Ismail dan Tan Sri Ghazali Shafie (Ghazali Shafie, 1971; Esa, 2011). Tun Abdul Razak, atas nasihat Tun Dr. Ismail dan rakan-rakan pemimpin yang rapat dengannya telah meminta buah fikiran James Puthuchearry. J. Puthuchearry (1923-2000) merupakan seorang peguam dan pernah menjadi ahli Majlis Penasihat Negara. Menurut Ooi Kee Beng (2007), sukar untuk menapis dakwaan bahawa idea J. Puthuchearry begitu besar pengaruhnya dalam pembentukan DEB.

Sekurang-kurangnya sekali pertemuan telah dilangsungkan antara Tun Abdul Razak dengan J. Puthuchearry. J. Puthuchearry telah membentangkan hujahnya tentang bagaimana sosio-ekonomi Malaysia dapat disusun semula. Dengan kesedaran warisan penjajahan dalam struktur

sosioekonomi Malaysia tidak dapat dinafikan betapa perlunya program diskriminasi positif, dan campur tangan kerajaan sepertimana yang terkandung dalam buku J. Puthuchery, *Ownership and Control in the Malayan Economy* (2004). Beliau telah menulis buku tersebut semasa dipenjarakan di Singapura. Pada ketika itu, karya ini boleh dikatakan satu-satunya analisis terperinci tentang ekonomi politik Malaya yang ditulis oleh anak Malaya, dan sangat disanjung dalam kalangan intelektual haluan kiri. Pokok perbahasannya ialah campur tangan negara melalui perbadanan awam begitu penting dalam memperbetulkan keadaan tidak seimbang yang berpunca daripada struktur ekonomi penjajah serta kesannya yang berkekalan ke atas hubungan antara kaum.

Walau bagaimanapun, menurut J. Faaland, J. Parkinson dan R. Saniman (2005), terdapat enam dokumen penting yang telah diterbitkan menjadi sebahagian daripada asas bagi Tun Abdul Razak, ketika itu sebagai Pengarah Gerakan dan kemudiannya selaku Perdana Menteri, dan Jabatan Perpaduan Negara (JPN), mencari strategi pembangunan alternatif yang boleh memberi daya pendorong asas kepada DEB dan Rancangan Malaysia Ke-2. (Silcock & Fisk, 1963; Esa, 2020) Secara ringkasnya, enam dokumen yang disediakan pada tahun 1969-1970 sepertimana berikut:

1. Dokumen A: *Policies for Growth with Racial Balance*, ditulis dalam tempoh enam minggu selepas rusuhan 13 Mei 1969. Ia merupakan penilaian peribadi pertama oleh Ketua Harvard University Development Advisory Service di Malaysia, yang beroperasi di Jabatan Perdana Menteri.
2. Dokumen B: *Racial Disparity and Economic Development* diterbitkan oleh Jabatan Perpaduan Negara pada November 1969.
3. Dokumen C: *The New Economy Policy* diterbitkan pada bulan Mac 1970 oleh Jabatan Perpaduan Negara sebagai direktif kepada semua jabatan dan agensi kerajaan, serta memberi garis panduan asas untuk RMK2.
4. Dokumen D: *Employment, Production and Racial Economic Balance Targets for the AMP*, bertarikh 19 Jun 1970, berusaha memastikan bahawa pendekatan dan objektif DEB tergambar dalam perumusan RMK2.
5. Dokumen E: *Problems of Racial Economic Imbalance and National Unity*, bertarikh Ogos 1970, melaporkan tentang usaha untuk membina satu set sikap dan juga langkah-langkah dasar spesifik untuk perubahan yang mendapat sokongan semua kumpulan etnik.
6. Dokumen F: *Social Science Research for National Unity*, bertarikh Mei 1970, memberikan perhatian yang lebih luas berkaitan dengan masalah perpaduan negara dan masalah melampaui dimensi ekonomi.

Pada dasarnya, semua dokumen di atas telah membantu usaha kerajaan dalam merealisasikan DEB sebagai mekanisme program sosioekonomi yang lebih padu untuk rakyat negara ini. Di samping, terdapat beberapa ciri utama yang boleh dilihat dalam DEB iaitu pendapatan dan kemiskinan, serta sumber manusia terutama sekali pengurusan, pemilikan modal, pendidikan dan urbanisasi.

### **Kesimpulan**

DEB berbeza daripada dasar-dasar yang terdahulu kerana bersifat komprehensif dan dibuat secara teliti agar mencapai matlamat perpaduan negara. Isu kemiskinan dan ketinggalan masyarakat bumiputera menjadi antara faktor utama kepada kelahiran DEB. DEB begitu istimewa kerana bukan sahaja matlamat untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat, tetapi lebih utama menjurus ke arah perpaduan kaum di negara ini. Sesungguhnya,

DEB mencerminkan campur tangan kerajaan dalam ekonomi yang memperlihatkan wujud diskriminasi positif dalam pengagihan kekayaan negara kepada rakyat. DEB dirancang sebagai satu program jangka panjang yang berlangsung selama 20 tahun untuk direalisasikan oleh kerajaan. Tun Abdul Razak sebagai ketua kerajaan telah mengambil tanggungjawab tersebut untuk memperbetulkan keadaan yang menimbulkan ketidakseimbangan atau jurang yang wujud antara bumiputera dengan bukan bumiputera. Langkah ini dilihat sangat penting dalam usaha memupuk perpaduan etnik dan menjamin kelestarian negara bangsa Malaysia.

### **Penghargaan**

Manuskrip ini dihasilkan berasaskan dana Geran Penyelidikan Penerbitan sumbangan Global Academic Excellence (GAE) dan Erudites Group (EGP) (Kod Geran: TLS2105, TLS2109, TLS211, TLS2110, TLS2010 & TLS2011).

### **Rujukan**

- Abdul Razak Hussein, (1971). Perpaduan Nasional Melalui Pembangunan. Ucapan di Dewan Rakyat membentangkan RMK2, 12 Julai 1971. Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan Malaysia.
- Ationg, R., Esa, M., Ibrahim, M. & Muis, A.M.R.A (2020). Menyingkap Polemik Peralihan Kuasa Secara Luar Biasa Mengikut Perspektif Demokrasi Berparlimen. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(11), 43 - 53.
- Carr, E.H. (1962). What is History? New York: Alfred A. Knopf.
- Collingwood, R.G. (1993). The Idea of History. Oxford University Press.
- Esa, M.S., Sansalu D. dan Tamring. B.A.M. (2011). Hubungan Etnik: Kelangsungan Pembinaan Negara Bangsa. Puchong: Penerbit Multimedia.
- Esa, M.S. (2011). Peranan Tun Abdul Razak dalam pentadbiran dan pembangunan negara. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Esa, M.S. (2012). Malaysia dan Alam Sekeliling. Kuala Lumpur: Freemind Horizon.
- Esa, M.S. (2020). Tun Razak: Bapa Pembangunan Negara. Kota Kinabalu: Penerbit UMS.
- Esa, M. S., Othman, I. W., Ationg, R., Ibrahim, M. A., Adam, S. D. S., Hamid, J. A., & Hajimin, M. N. H. H. (2021). Demokratisasi Suruhanjaya Reid: Dampak Signifikan Kepimpinan Parti Perikatan. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6 (23).
- Faaland, J., Parkinson J. dan Saniman, R. (2005). Dasar Ekonomi: Pertumbuhan Negara dan Pencapaian Ekonomi Orang Melayu. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Far East Economic Review. 16 Mei, 1975.
- Ghazali Shafie, (1971). Demokrasi: Kenyataan yang Mesti Dihadapi oleh Rakyat Malaysia. Ucapan di Dewan Negara, 5 Mac 1971). Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan Malaysia.
- Malaysian Business. Disember, 1974.
- Mid Term Review of the Second Malaysia Plan, (1971-1975).
- Milne, R.S. (1976). The Politics of Malaysia, s New Economic Policy. Pacific Affairs. Jil. 49, No. 2.
- Milne R.S. dan Mauzy, D.K. (1977). Politics and Government in Malaysia. Singapore: Federal Publications.
- Mohd Suffian Hashim. (1987). Mengenal Perlembagaan Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- New Straits Times, 1 September 1972.
- New Staits Times, 25 Februari 1971.
- New Straits Times, 19 Mei 1972.

- Oii Kee Beng. (2007). *The Reluctant Politician: Tun Dr Ismail and his time*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Ongkili, James P. (1985). *Nation Building in Malaysia, 1946-1974*. Singapore: Oxford University Press.
- Perusahaan Awam di Malaysia: Satu Kajian Umum. (1974). *Forum Pembangunan*, Jil. IV, No. 2.
- Puthuchery, J. (2004). *Ownership and Control in the Malayan Economy – A Study of the Structure of Ownership and Control and its Effects on the Development of Secondary Industries and Economic Growth in Malaya and Singapore*. Afterword by K.S. Jomo, INSAN. Singapore: Donald Moore for Eastern Universities Press, Singapore.
- Rowse, A.L. (1963). *The Use of History*. London: Hodder & Stoughton.
- Sanusi Osman. (1989). *Ikatan Etnik dan Kelas di Malaysia*, Bangi: Penerbit UKM.
- Sansalu, D., Esa, M.S., Karulus Y. dan Tamring, B.A.M. (2015). *Eksplorasi Hubungan Etnik*. Kuala Lumpur: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Shaw, W. (1976). *Tun Razak: His Life and Times*. California: University of California.
- Silcock T.H. dan Fisk, E.K., eds., (1963). *The Political Economy of Independent Malaya*. Singapore.
- Straits Times*, 11 Januari 1972.
- Sugiyono. (2009). *Metode Penelitian Kuantitatif, Kualitatif dan R&D*. Bandung: Alfabeta Arikunto.
- Syed Hussain Wafa. (1974). *Strategi Kemajuan Tanah di Malaysia: Satu Kajian Empirik*. Kuala Lumpur.
- Ucapan-Ucapan Tun Haji Abdul Razak bin Hussein. (1971). Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Ucapan-Ucapan Tun Haji Abdul Razak Bin Hussein. (1972). Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Young, K., Bussink W.C.F. dan Hassan, P. (1980). *Malaysia: Growth and Equity in a Multiracial Society*. Baltimore: The Johns Hopkins University Press.